



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 32 RABU 10 OGOS, 1966 1386 رابو 22 رابع الاخر PERCHUMA

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI BRUNEI:

MENTERI BESAR KESAL SIKAP BERKECHUALI AHLI2 MAJLIS MASHUARAT NEGERI

BANDAR BRUNEI:— Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un telah menyatakan kekesalan beliau terhadap sikap berkechuali ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang di-pilih dalam persidangan yang telah di-langsungkan sejak 2 Ogos hingga 4 Ogos, 1966 yang lalu.

Dato Seri Paduka Marsal telah mensifatkan ahli2 itu sebagai "tunggul" kerana tidak menyokong atau pun menentang apabila undi di-jalankan.

Kekesalan beliau itu telah dinyatakan ketika berucap dalam ucapan penangguhan beliau di-akhir persidangan pada 4 Ogos, 1966 lepas.

Sikap begini, kata beliau, amat-lah di-kesali, pada hal undang2 yang di-chadangkan itu kesemua-nya ada-lah sangat2 berfaedah bagi pendu-

dok2 negeri ini dan wakil2 ra'ayat itu sendiri.

Dalam persidangan hari yang kedua pula, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menegur ahli2 yang di-pilih kerana tidak mengkaji kertas2 mashuarat sa-belum tarikh mashuarat.

Kechuaian ini, tegas beliau, telah menyebabkan ahli2 yang di-pilih itu membuat tegoran2 dan tuduhan2 yang tidak tepat. (Lihat Muka 4)

ISTIADAT PERINGATAN DARJAH KEHORMATAN JASA UTAMA DI-ISTANA

BANDAR BRUNEI:— Satu Istiadat Peringatan Darjah Kehormatan Jasa Utama akan di-adakan di-Balai Singgahsana, Istana Darul Hana, Brunei pada hari Juma'at 12 Ogos, 1966, mulai jam 10 pagi.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri akan berangkat ka-majlis tersebut pada jam 10.40 pagi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan juga akan bertitah di-majlis tersebut.

Susunan Majlis tersebut ada-lah seperti berikut:

10.00 pagi — Ahli2 Darjah dan Pingat P.O.A.S. tiba dan duduk menanti di-Balai Pemajangan Indera Kenchana.

10.05 pagi — Yang Amat Berhormat Menterri Besar tiba di-Balai Pemajangan Indera Kenchana.

10.10 pagi — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemanha tiba di-Balai Pemajangan Indera Kenchana.

10.15 pagi — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara tiba di-Balai Pemajangan Indera Kenchana.

10.20 pagi — Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi tiba di-Istana dan di-persilakan menanti di-Bilek Penghadapan.

10.25 pagi — Perarakan Ahli2 Darjah dan Pingat P.O.A.S. masuk ka-Balai Singgahsana, berjalan berdua2 menurut susunan Darjah dan Pingat masing2.

10.40 pagi — D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan D.Y.M.M. Seri Paduka Raja Isteri berangkat ka-Majlis.

Kemudian Istiadat di-buka. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan. Do'a Selamat.

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan D.Y.M.M. Seri Paduka Raja Isteri berangkat dari Majlis.

Majlis bersurai. Ahli2 Darjah dan Pingat di-persilakan ka-Majlis Minuman ringan.

7.30 malam — Majlis Santapan Berserak di-Taman Istana Darul Hana, Brunei.



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah Putera Sulong D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan dan D.Y.M.M. Raja Isteri, serta adinda-nya Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mohamed Bolkiah yang telah berangkat ka-England untuk berlatch dalam hal ehwal ketenteraan telah selamat berangkat tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari England melalui Hong Kong pada hari Rabu yang lalu untuk berchuti di-Tanah Ayer.

Dalam gambar ini kelihatan Y.B. Pengiran Md. Yusof bin Pengiran Abu Bakar sedang menziarahi Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota di-Lapangan Terbang Brunei pada hari tersebut.

Kerajaan Telah Memilih 2 Kawasan Baru Untuk Menempatkan Sa-Mula Keluarga2 Dari Kampong Ayer

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar berkata bahawa dua kawasan tidak jauh dari Bandar Brunei telah di-pilih oleh Kerajaan sa-bagai kawasan2 untuk menempatkan sa-mula keluarga2 dari Kampong Ayer.

Awang Ali bin Awang Besar, yang juga menjadi Pengerusi, Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara, berkata bahawa peta kawasan tersebut telah pun di-sediakan dan penyiasatan2 sedang di-jalankan.

Beliau berkata sa-demikian ketika menjawab satu so'alan bertulis yang telah di-kemukakan oleh Yang Mulia Awang Mokhtal bin Md. Salleh, Wakil Kawasan Sultan Lama, Brunei dalam Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara di-Dewan Kemashara-

katan, Bandar Brunei pada pagi hari Sabtu yang lalu.

Dalam jawapan tersebut, Awang Ali berkata bahawa kawasan2 penempatan sa-mula yang di-ranchangkan itu, letaknya di-antara Jalan Muara dan Jalan Berakas dan satu kawasan lagi berdekatan Gadong Estate.

Awang Ali juga berkata kepada Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara dalam persidangan tersebut bahawa sa-banyak 8,000 permohonan2 untuk tanah telah di-

terima dalam tahun 1953 dan 1954.

Kawasan tanah yang diminta itu telah pun di-pereksa oleh Jabatan Pertanian dan Jabatan Kehutanan.

Dalam satu jawapan yang lain, Awang Ali berkata bahawa Kerajaan telah membentok sa-buah Jawatan Kuasa untuk memeriksa permohonan2 untuk tanah T.O.L.

Beliau berkata lagi bahawa pekerja2 yang di-bawa masuk ka-Negeri Brunei untuk bekerja telah datang ka-negeri ini dengan persetujuan Pesuruhjaya Buroh mengikut sekatan buroh "quota".

Mereka tinggal di-negeri ini ada-lah buat sementara sahaja.

Dalam persidangan tersebut, sa-banyak 11 so'alan mulut telah di-kemukakan oleh 6 orang Ahli.

Yang Mulia Awang Mokhtal bin Md. Salleh, wakil Kawasan Sultan Lama, Brunei telah mengemukakan 3 so'alan; Yang Mulia Awang Ali bin Ahmad, wakil Kawasan Muara Brunei telah mengemukakan 3 so'alan; Yang Mulia Awang Kula bin Mangol, Wakil Kawasan Tanjong Nangka, Brunei telah mengemukakan 2 so'alan.

Yang Mulia Awang Bakar bin Salleh, Wakil Kawasan Peramu, Brunei; Yang Mulia Awang Haji Tengah bin Hashim, Wakil Kawasan Bendahara Lama, Brunei dan Yang Mulia Pengiran Mohamed bin Pengiran Lahab, Wakil Kawasan Raja Muda, Brunei telah mengemukakan 1 soalan sa-saorang.

Semua so'alan bertulis itu telah di-jawab oleh Kerajaan.

Di-antara lain2-nya yang telah di-jawab oleh Pengerusi Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara dalam persidangan tersebut, bahawa ada kemungkinan pembekalan elektrik akan di-sambong ka-Serasa dan Tanah Jambu di-Muara pada tahun hadapan.

Beliau juga telah memberi penerangan berkenaan dengan kemajuan yang di-perolehi mengenai chadangan2 Kerajaan handak membena sa-buah Rumah Sakit di-Muara dan pembenaan Sekolah2 Melayu di-Limbongan dan di-Rangau Baru.

Awang Zainie Balek Dari England Dengan Memperolehi Sijil2 "Arts"

BERAKAS—Awang B. A. H. Zainie, Pensharah Bahagian Arts di-Maktab Perguruan Melayu Brunei telah balek ka-Tanah Ayer dari England baru2 ini sa-lepas menghadiri satu kursus mengenai "General Drawing and Painting" di-sana.

Beliau telah menghadiri kursus tersebut di-Maktab Arts Brighton, Sussex, England mulai pada bulan Ogos tahun 1965 hingga ka-bulan Julai tahun ini, atas beasiswa Kerajaan Brunei.

Pada masa sekarang Awang Zainie telah berkhidmat samula di-Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Awang Zainie ia-lah bekas penuntut Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei.

Pada tahun 1955, beliau telah melanjutkan pelajaran di-Maktab Latehan Batu Lintang, Kuching, Sarawak dan dua tahun kemudian beliau telah berlateh di-Maktab Perguruan Melayu Brunei sa-lama satu tahun. Pada masa berlateh di-Maktab Perguruan Melayu Brunei, Aw. Zainie telah menjadi Ketua Penuntut M.P.M.B.

Dari tahun 1958 hingga ka-tahun 1960, Awang Zainie telah mengajar di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dalam Bahagian "Fine Arts" dan Ilmu Hisab.

Pada tahun 1961, beliau telah melanjutkan pelajaran dalam bahagian lukisan dan pertukangan di-Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur.

Kemudian pada tahun 1962, beliau telah di-lantek menjadi sa-orang Pensharah dalam bahagian Arts di-Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Pada tahun 1963, Aw. Zainie telah di-berikan beasiswa oleh Kerajaan Brunei untuk melanjutkan pelajaran dalam Bahagian Arts di-Maktab Arts



Awang Zainie kelihatan di-Hyde Park pada masa ia berlateh di-England baru2 ini.

Brighton Sussex, England dalam bahagian Fine Art dengan memperolehi Sijil Art.

Sa-lepas beliau balek ka-Brunei, beliau telah di-lantek sa-kali lagi menjadi Pensharah di-Maktab Perguruan Melayu Brunei dan telah mengajar penuntut2 yang mengambil peperiksaan G.C.E. di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada waktu petang.

Kemudian dalam tahun 1965, Awang Zainie telah sa-kali lagi memperolehi beasiswa Kerajaan Brunei untuk melanjutkan pelajaran-nya dalam Bahagian Arts di-England dengan mempelajari "General Drawing and

Painting" serta Sejarah Arts. Pada kali itu juga Aw. Zainie telah memperolehi Sijil Art.

Awang Zainie ia-lah sa-orang anak tempatan yang telah memperolehi tiga Sijil dalam Bahagian Art, ia-itu daripada: (a) Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur, (b) Brighton College of Arts — Sijil Bahagian "Arts and Crafts" dan (c) Brighton College of Arts—Sijil Bahagian "General Drawing and Painting".

Dalam pertemuan tersebut, Awang Zainie berkata bahawa beliau berchita2 untuk melanjutkan lagi pelajaran mengenai "Fine Arts" di-luar negeri.



Persidangan Majlis Mashuarat Pengakap Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI — Majlis Mashuarat Pengakap Daerah Brunei akan mengadakan persidangan bulanan-nya di-Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Sinuai, Bandar Brunei pada jam 5 petang hari Khamis 11 Ogos, 1966.

Dalam persidangan-nya pada bulan yang lalu, Majlis Mashuarat Pengakap Daerah Brunei telah bersetuju hendak mengadakan mashuarat-nya pada bulan ini di-rumah Yang Di-pertua Persatuan Pengakap Daerah Brunei, Awang Talib bin Derwish pada tarikh tersebut. Akan tetapi, oleh kerana sesuatu sebab yang tidak dapat di-elakkan, maka persidangan itu akan di-adakan di-Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei.

Majlis Perbincangan Mengenai Perniagaan

BANDAR BRUNEI:—Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya Brunei akan mengadakan satu Majlis Perbincangan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada jam 8.30 pagi hari Juma'at 12 Ogos, 1966.

Tajok Perbincangan: "Orang2 Melayu Dalam Perniagaan."

Penyelia Bahan2 Perbincangan: Awang Hapidz Laksamana.

Ahli2 Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya Brunei serta orang ramai ada-lah di-jemput hadir ka-majlis tersebut.

BAHASA JIWA BANGSA
Gunakan-lah Bahasa Melayu
Dalam Segala Lapangan

SAMBUTAN HARI JADI D.Y.M.M. DI-DAERAH TUTONG

TUTONG. — Penduduk2 di-Daerah Tutong akan menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada tahun ini lebih meriah lagi daripada tahun2 yang lalu, selama sa-minggu mulai dari hari Isnin 26 September hingga ka-hari Ahad 2 Oktober akan datang.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi sambutan tersebut yang telah di-pilih dalam satu mahuarat baru2 ini ada-lah sa-peri berikut:

Pengerusi — Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh, Pegawai Daerah Tutong.

Setia Usaha Agong — Awang Md. Yunus Hussein. **Penu-long Setia Usaha Agong** — Awang Abdullah P. H. A. Bakar.

Bendahari — Awang Wong Hong Siang.

Pengawas Keamanan — Inspektor Noordin Md. Noor. **Pengawas Sekolah2** — Awg. Shahbudin bin Saleh. **Pengawas Ugama** — Yang Dimuliakan Begawan Mudim Haji Adenan.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tertinggi Awang Haji Ghazali Umar dan Awang Akip Abdul Ghani.

Pemereksa Kira2 — Awang Ludin Hashim dan Awang Abdul Wahab Muhammad.

Pasar Gembira Di-Tutong

TUTONG. — Satu Pasar Gembira akan di-adakan di-Padang Asrama, Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong sa-lama satu minggu mulai pada hari Isnin 26 September hingga ka-hari Ahad 2 Oktober.

Pasar Gembira itu akan di-adakan sa-bagai salah satu daripada achara2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan oleh penduduk2 di-Daerah Tutong.

Barang2 makanan dan minuman akan di-jual di-Pasar Gembira tersebut.

Tiap2 gerai yang luas-nya 10 kaki x 12 kaki akan di-dirikan dengan lengkap dan sempurna oleh Jawatan Kuasa Sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Daerah Tutong dan akan siap pada awal bulan September.

Orang ramai, bukan sahaja di-Daerah Tutong, bahkan di-seluruh Negeri Brunei yang ingin hendak menyewa gerai tersebut ada-lah di-persilakan membuat permohonan dengan Awang Noordin Ahmad, d/a Steshen Pemanchar, Radio Brunei, Pekan Tutong sa-belum hari Ahad 25 September.

Berbagai2 pertunjukan dan permainan akan di-adakan di-temasha perayaan tersebut.


Di-antara achara2 itu ada-lah saperti berikut:

(a) Lumba Perahu, (b) Berchuchol, (c) Peraduan Ratu Kebaya dan Pakaian Beragam, (d) Sandiwara bagi Sekolah2 Melayu dan China, (e) Pertunjukan Senaman bagi murid2 Sekolah, (f) Pertunjukan Pintu Gerbang, (g) Peraduan Nya-nyian, (h) Pasar Gembira, (i) Sandiwara Belia2 dan Orang2 Kampong, (j) Barisan Kehormatan, (k) Perlawanan Bola Sepak antara Persatuan2 di-Daerah Tutong, (l) Silat dan Kuntau.

KURSUS UNGGUN API PENGAKAP2

BANDAR BRUNEI. — Satu Kursus Unggun Api untuk Pemimpin2 Pengakap dari seluruh Negeri Brunei akan di-adakan di-Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Kumbang Pasang, Bandar Brunei pada hari Juma'at 26 Ogos mulai pada jam 2 petang.

Pemimpin2 Pengakap yang telah menerima borang2 permohonan ada-lah di-jemput mengemalikan borang2 itu kepada Pesuruhjaya Penyusun Pengakap Negeri Brunei, Awangku Tajuddin bin Pengiran Ahmad di-Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei sa-belum hari Sabtu 20 Ogos.



Seramai tujuh orang penuntut2 Tahun Tiga Maktab Perguruan Melayu Brunei telah berlatah mengajar sa-lama dua bulan, dalam bulan Jun dan Julai tahun ini di-Sekolah Melayu Sengkuring.

Gambar ini di-ambil pada hari penuntut2 M.P.M.B. itu tamat mengajar di-Sekolah tersebut.

Duduk dari kiri: Awang Md. Daud Ibrahim, Awang Damit Muhammad, Chegu Abdul Hamid bin P.H.A. Bakar (Guru Besar Sekolah Melayu Sengkuring), Awang Ering Momin dan Awang Abdul Rahman Ahad. Chegu Abdul Hamid pada masa ini bertugas di-Maktab Perguruan Melayu Brunei sa-bagai Pensharah Bahagian Ilmu Alam dan Sejarah.

Berdiri dari kiri: Awang Abdul Rahman Rahim; Awang Umar Haji Abu Bakar dan Awang Ibrahim Haji Metali.

Ranchangan Kursus Pertanian Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kupang

TUTONG. — Ranchangan Gerakan Kursus Pertanian bagi ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kupang, Tutong ada-lah saperti berikut: —

Hari Isnin 15 Ogos:

(a) 8-30 pagi: Rombongan Pegawai2 Perkembangan Pertanian Brunei ber-angkat ka-Kampong Kupang, Tutong.

(b) 4-00—6-00 petang: Pembukaan rasmi kursus Pertanian di-kampong tersebut.

Hari Selasa 16 Ogos:

(a) 7-30 pagi—12-00 tengah hari: Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat perkebunan dan ladang.

(b) 4-00—6-00 petang: Sharahan2 dan Latehan2 Pertanian Dalam Darjah.

Hari Rabu 17 Ogos:

(a) 7-30 pagi—12-00 tengah hari: Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat perkebunan dan ladang.

(b) 4-00—6-00 petang: Sharahan2 dan Latehan2 Pertanian Dalam Darjah.

Hari Khamis 18 Ogos:

(a) 7-30 pagi—12-00 tengah hari: Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat perkebunan dan ladang.

(b) 4-00—6-00 petang Sharahan2 dan Latehan2 Pertanian Dalam Darjah.

Hari Juma'at 19 Ogos:

4-00—6-00 petang: Sharahan2 dan Latehan2 Pertanian Dalam Darjah.

Hari Sabtu 20 Ogos:

8-30 pagi—Rombongan Pegawai2 Pertanian ber-

angkat balek ka-Bandar Brunei.

Hari Isnin 22 Ogos:

Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Kupang melawat ka-Pusat Pertanian Kilanas.

Sambutan "Hari Anak Serigala"

KUALA BELAIT. — Satu temasha sambutan "Hari Anak Serigala" akan di-adakan di-Seria pada hari Ahad 28 Ogos, 1966 di-bawah anjoran Persatuan Pengakap Daerah Belait.

Ini-lah julong kali temasha sambutan "Hari Anak Serigala" itu di-adakan di-Daerah Belait.

Para Ibu Bapa Anak2 Serigala di-Daerah Belait dan orang ramai ada-lah di-jemput ka-temasha tersebut.

Jadual Lawatan Rombongan Penyuntek Ubat Kolera Di-Ulu Belait

KUALA BELAIT. — Rombongan Penyuntek Ubat Kolera akan bertugas di-beberapa buah kampong di-Ulu Belait dalam bulan ini.

Jaduan lawatan rombongan tersebut ada-lah saperti berikut:

Hari Rabu 10 Ogos — Kampong Bukit Sawat.

Hari Khamis 11 Ogos — Kampong Kagu dan Kampong Laid Lakang.

Hari Isnin 15 Ogos — Kampong Singap.

Hari Selasa 16 Ogos — Kampong Pok Babau.

Hari Rabu 17 Ogos — Kampong Kandol.

Hari Khamis 18 Ogos — Kampong Marangking Ulu.

Hari Isnin 22 Ogos — Kampong Marangking Hilir.

Hari Selasa 23 Ogos — Kampong Pengkalan Siong.

Lawatan rombongan tersebut ka-kampong2 yang berkenaan ada-lah di-bawah kelolaan Penghulu Orang Kaya Sahari bin Karim. Masa-nya ia-lah 1-30 petang pada tiap2 hari itu.

Hari Rabu 24 Ogos — Kampong Bang Tajok — di-bawah kelolaan Ketua Manang Anak Mankau mulai jam 1-30 petang.

Hari Khamis 25 Ogos — Kampong Apak2 — di-bawah kelolaan Penghulu Orang Kaya Sahari bin Karim. Masa-nya 1-30 petang.

KEPUTUSAN YANG BERFAEDAH

PERSATUAN Bola Sepak Amateur Negeri Brunei, telah membuat satu keputusan yang berfaedah dalam Mashuarat Agong-nya di-Brunei Sports Club pada hari Ahad yang lalu untuk menghantarkan Pasokan Bola Sepak Negeri Brunei bagi menyertai Perlawanan Bola Sepak bagi merebutkan Piala Borneo yang di-kenali sa-bagai "Borneo Cup."

Pasokan2 Bola Sepak dari Negeri2 Brunei, Sabah dan Sarawak akan mengambil bahagian dalam perlawanan itu di-Kuching, Sarawak sa-lama tiga hari mulai dari hari Juma'at 9 September hingga ka-hari Ahad 11 September akan datang.

Keputusan untuk menghantarkan Pasokan Bola Sepak Negeri Brunei bagi mengambil bahagian dalam Perlawanan "Borneo Cup" itu sa-bagaimana yang telah di-persetujui oleh Mashuarat Agong Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei, di-perchayai memperolehi sambutan yang baik dari kalangan peminat2 sokan dan lain2-nya di-seluruh Negeri Brunei.

Sementara itu satu usaha bagi meninggikan permainan bola sepak di-Negeri Brunei telah di-jalankan semenjak beberapa bulan yang lalu di-bawah anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei dan di-bawah kelolaan Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling bagi mengadakan Perlawanan2 Bola Sepak terbuka kepada pasokan2 di-Daerah Brunei dan juga sa-pasokan dari Tutong bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei.

Usaha sa-demikian juga di-adakan di-Daerah Belait di-bawah anjoran Belait District Amateur Football League dengan mengadakan Perlawanan2 Bola Sepak di-Daerah Belait. Perlawanan2 Bola Sepak antara Pasokan2 Pulis Di-Raja Brunei juga di-adakan di-Daerah Belait serta lain2-nya.

Memandang kepada hal tersebut, dan dengan mempunyai latehan yang berguna yang di-berikan oleh pemain2 bola sepak yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang itu ada-lah di-harapkan bahawa pemain2 yang akan di-pilih bagi mewakili Negeri Brunei dalam Perlawanan Bola Sepak bagi merebutkan gelaran kejohanan Bola Sepak bagi seluruh Borneo yang akan di-langsungkan di-Kuching pada bulan hadapan akan dapat "menyinarikan" nama Negeri Brunei dalam perlawanan Bola Sepak Kejohanan Borneo itu.

Kapada Pasokan Bola Sepak yang akan mewakili Negeri Brunei dalam perlawanan tersebut, ada-lah di-ucapkan tahniah terlebih dahulu.

Sa-moga Pasokan Negeri Brunei akan berjaya dalam perlawanan tersebut dan membawa bersamanya ka-Negeri Brunei piala "Borneo Cup" yang di-hargai itu.

Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei

(Dari Muka 1)

Dalam tegoran itu juga, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal mensifatkan salah sa-orang dari ahli2 itu sa-bagai "Burong Murai yang bersuara nyaring dan lantang di-dengar".

Tegoran itu telah di-buat beliau ketika majlis membahaskan Undang2 Perbekalan Tambahan tahun 1965 (Bilang-

an 2), tahun 1966 yang di-chadangkan oleh Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Setia Awang John Lee.

Walau macham mana pun, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan terima kaseh-nya kepada ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang pada sepanjang persidangan itu telah membawa majlis berkeadilan aman dan damai.

SEMINAR BELIA SA-NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI.— Satu Seminar di-bawah anjoran Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei telah di-adakan di-Dewan Sekolah Menengah Melayu Pertama, Brunei pada hari Juma'at 5 Ogos, 1966.

Pegawai Kebajikan Masharakat Negara, Awang H.M. Salleh telah merasmikan pembukaan Seminar tersebut.

Dalam ucapan-nya, Awang H. M. Salleh telah mengalu2kan usaha, yang di-jalankan oleh Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei bagi mengembangkan pergerakan Belia di-negeri ini.

Awang H. M. Salleh berkata antara-nya bahawa sa-buah bangunan untuk kegunaan belia2 akan di-bena oleh Kerajaan sedikit hari lagi. Bangunan itu akan di-beri nama "Pusat Belia".

Ramai para perwakilan dari Persatuan2 Belia di-Negeri Brunei dan juga Ahli Jawatankuasa Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei telah hadir di-seminar itu.

Seminar tersebut telah membinchangkan Tajok2 yang akan di-perbincangkan dalam Persidangan Perhimpunan Belia Sa-Dunia di-Tokyo mulai hari ini hingga 21 Ogos.

Seminar Belia itu di-bahagikan kepada empat bahagian iaitu: (1) Hak Asasi Manusia; (2) Politik dan Perdamaian; (3) Perkembangan dan (4) Pentadbiran.

Rumusan yang di-perbincangkan dalam Seminar Belia itu akan menjadi panduan kepada Wakil2 dari Negeri Brunei yang akan menghadiri Persidangan Perhimpunan Belia Sa-Dunia di-Tokyo.

DISKUSI NOBEL 'DESA PINGITAN' DI-MAKTAB S.O.A.S.

BANDAR BRUNEI.— Satu Majlis Diskusi di-bawah kelolaan Badan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin akan di-adakan di-Dewan Maktab S.O.A.S. pada jam 2.30 petang hari Ahad 14 Ogos, 1966.

Buku yang akan di-bicarakan di-majlis tersebut ia-lah sa-buah nobel bernama "Desa Pingitan" hasil karya Ibrahim Omar.

Buku tersebut telah memenangi hadiah kedua dalam Peraduan Mengarang Nobel anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia pada tahun 1963.

Tiga orang pembicara telah di-undang oleh Badan tersebut untuk membicarakan Nobel itu dari tiga segi yang berlainan yang berupa "Pervatakan dalam Desa Pingitan", Thema "Desa Pingitan" dan "Gaya Bahasa dan Dialog dalam Desa Pingitan".

PEGAWAI2 BARU PERSATUAN PEMUDA PEMUDI KAMPONG SUMBILING

KAMPONG SUMBILING.— Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling, Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong-nya Kali Pertama di-tempat kediaman Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Awang Haji Md. Yusoff baru2 ini.

Ahli2 Jawatan Kuasa Baru Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Sumbiling bagi tahun 1966/1967 yang di-lantik dalam Mashuarat Agong tersebut ada-lah seperti berikut:

Yang Di-Pertua-Awang Husain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Awang Haji Md. Yusoff. Naib Yang Di-Pertua-Awang Hamid bin Haji Hitam.

Setia Usaha Agong-Ak. Suhaimi bin Pengiran Wahid. Naib Setia Usaha Agong - Ak. Sukadir bin Lamit. Bendahari Agong -Awang Abdul Kadir Chiku. Penolong Bendahari-Awang Hamidon bin Mudim Haji Hassan.

Setia Usaha Penerangan-Awang Ahmad Metassan Penolong Setia Usaha Penerangan-Awang Tamin bin Omar. Setia Usaha Kebudayaan Dayang Rosinah binte Said dan Awang Abdul Majid bin Abdullah. Setia Usaha Sokan-Awang Sharbini bin Taha. Setia Usaha Sosial dan Kebajikan-Awang Azmain bin Abdullah.

MENGHADHIRI KURSUS PEMIMPIN BELIA DI-MALAYA

BERAKAS.— Empat orang wakil dari persatuan2 belia di-Negeri Brunei telah berlepas dengan kapal terbang ka-Malaya pada penghujung bulan Julai untuk menghadiri Kursus Pemimpin2 Belia dari Malaysia dan Brunei, Kali Yang Ka-Tiga tahun ini.

Mereka ia-lah Awang Abdullah bin Awang Besar dari Persatuan Angkatan Pemuda Pemudi Kampong Sultan Lama, Brunei; Awang Junaidi Safar dari Persatuan Melayu Keriam, Tutong; Awang Md. Zain Tengah dari Persatuan Pemuda Pemudi Tanjong Maya, Tutong dan Awang Ibrahim Md. dari Persatuan Kampong Saba, Brunei.

Kursus Pemimpin Belia Sa-Malaysia dan Brunei itu di-adakan di-Pusat Latehan Kebangsaan, Peretak, Kuala Kubu Bharu, Selangor, mulai pada 1 Ogos hingga ka-21 Ogos.

Pemimpin2 Belia dari Negeri Brunei yang menghadiri kursus tersebut ada-lah di-bawah anjoran Jabatan Kebajikan Masharakat Negeri Brunei dengan kerjasama Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei.

BRUNEI TIDAK DI-JAJAH OLEH MANA2 KERAJAAN DAN HANYA DI-BAWAH LINDONGAN KERAJAAN BAGINDA QUEEN

- Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal

Berhormat Pengiran Md. Yusuf bin Pengiran Abu Bakar dan Yang Berhormat Awang Ariff bin Mujun.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar di-samping menyatakan kesal beliau terhadap sikap berkechuali ahli2 yang di-pilih, telah juga menjelaskan keraguan2 yang telah di-nyatakan oleh mereka mengenai dengan kemerdekaan Negeri Brunei.

Beliau menegaskan bahawa Brunei tidak di-jajah oleh mana2 Kerajaan pun dan Brunei ada-lah merdeka dan Brunei hanya-lah di-bawah lindongan Kerajaan Baginda Queen.

Sa-lain dari itu, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal juga telah menyatakan Rancangan2 Kerajaan baik yang telah di-jalankan, mahupun yang sedang di-lakukan dan yang dalam rancangan.

Walaupun begitu, jelas beliau, dalam semua rancangan2 itu Kerajaan ada-lah menyedari akan kekurangan2-nya dan Ke-

rajaan tidak-lah memandang sepi, malah usaha2 bagi mengatasi-nya memang di-jalankan terus menerus.


Dalam ucapan penanggohan-nya, Yang Berhormat Aw. Othman bin Sunggoh telah membela nasib buroh2 yang bergaji hari.

Beliau menyeru Kerajaan supaya memberikan hak2 yang sama seperti yang di-beri kepada kaki-tangan2 Kerajaan yang bergaji bulan.

Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh pula telah menyentuh perkembangan politik di-negeri ini.

Beliau juga menekankan bahawa Bank Kemajuan Asia itu ada-lah berfaedah untuk Negeri Brunei, kerana dari pertubuhan itu, Brunei akan memperoleh orang2 yang pakar bagi satu2 projek yang di-perlukan oleh negeri ini.

Yang Berhormat Awang Zainal Abidin juga tidak bersetuju dengan rancangan merobohkan Lapau Diraja, ke-



Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un

rana menempatkan Dewan Sir Winston Churchill.

Sementara itu, Yang Berhormat Pengiran Md. Yusuf bin Pengiran Abu Bakar telah menyeru Kerajaan supaya berhati2 atas kemungkinan terjadi-nya "penyakit rasuah" di-negeri ini.

Kata beliau, Kerajaan adalah perlu bagi menggubal satu Undang2 untuk menchegeh rasuah, supaya kejadian2 yang berlaku di-negeri2 lain tidak akan berlaku di-Brunei.



Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

BANDAR BRUNEI. — Pada hari terakhir Persidangan Majlis Mashuarat Negeri, ucapan2 penanggohan telah di-sampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un dan empat orang ahli2 yang di-pilih.

Mereka ia-lah Yang Berhormat Awang Othman bin Sunggoh, Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh, Yang

Majlis Mashuarat Negeri Brunei Meluluskan 9 Rang Undang2

BANDAR BRUNEI. — Persidangan Majlis Mashuarat Negeri yang di-langsungkan selama tiga hari baru2 ini telah meluluskan 9 buah Rang Undang2, 6 antara-nya pindaan.

Lima buah rang Undang2 telah di-kemukakan oleh Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Setia Awang John Lee ia-itu seperti berikut:

Undang2 Kumpulan Wang Yang Di-Satukan (Pindaan Kepada Bayaran Yang Di-Kenakan), 1966.

Undang2 Peruntukan Di-Raja (Pindaan), 1966.

Undang2 (Pindaan) Peruntukan Kumpulan Wang Berkumpulan, 1966.

Undang2 Perbekalan Tambahan (Bilangan 2) (1965), 1966.

Undang2 Perbekalan Tambahan (Bilangan 1) (1966), 1966.

Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Setia Awang Idris Talog Davies telah mengemukakan tiga buah rang Undang2, seperti berikut:

Undang2 Pasokan Pulis (Pindaan), 1965; Undang2 (Pindaan) Peratoran Jenayah,

1966 dan Undang2 (Pindaan) Lalu Lintas Jalan Raya, 1966.

Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Awang Md. Taib bin Awang Besar telah menchadangkan "Undang2 Pasokan Bomba, 1966".

Dalam persidangan hari pertama pada 2 Ogos, 1966 sebanyak tiga buah Rang Undang2 (Pindaan) telah di-luluskan ia-itu Undang2 Kumpulan Wang Yang Di-Satukan (Pindaan Kepada Bayaran di-Kenakan), 1966; Undang2 Pasokan Pulis (Pindaan), 1965 dan Undang2 (Pindaan) Peratoran Jenayah, 1966.

(Laporan persidangan hari pertama tersebut telah di-siarkan dalam akhbar ini keluaran minggu lalu).

Dalam persidangan pada 3 Ogos, 1966 majlis telah meluluskan empat buah Rang Undang2 (Pindaan).

Pegawai Kewangan Negara telah menchadangkan Pindaan Undang2 Perbekalan Tambahan tahun 1965 (Bilangan 2), tahun 1966; Undang2 Perunto-

kan Kumpulan Wang Berkumpulan 1959 dan Undang2 Peruntukan Diraja (Pindaan), 1966, sementara Peguam Negara telah mengemukakan Pindaan Undang2 Lalu Lintas Jalan Raya, 1966.

Dalam persidangan pada 4 Ogos, 1966 Majlis Mashuarat

Negeri telah meluluskan 2 Rang Undang2 ia-itu Undang2 Pasokan Bomba tahun 1966 dan Undang2 untuk menggunakan sa-jumlah wang lebih dari \$3 juta dari Wang Fan Gegasan kerana perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1966.

"BAHANA" Mendapat Sambutan Hangat Dari Universiti Malaya

BANDAR BRUNEI:— Keluaran pertama Majallah BAHANA, yang di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, telah mendapat sambutan hangat dari pihak Universiti Malaya.

Prof. Ungku Abdul Aziz, Dewan Fakulti Ekonomi & Pentadbiran Universiti Malaya telah menulis kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Y.B. Dato Paduka Ag. Haji Jamil, antara-nya "...saya telah membaca keluaran pertama Majallah BAHANA yang di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Saya ucapkan sa-tinggi2 tahniah di-atas kejayaan Dato dan Sidang Pengarang yang telah mengeluarkan sa-buah majallah sa-begitu tinggi mutu-nya. Saya berharap pada masa yang akan datang terus di-kirimkan Majallah BAHANA kepada saya. Saya su-

ka juga bertanya tentang kemungkinan berlanggan majallah tersebut bagi perpustakaan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran. Bagi ma'alomatan Dato di-sini ada beberapa pensharah yang sedang giat mempelajari Bahasa Kebangsaan. Majallah BAHANA boleh menjadi satu bahan pelajaran kepada mereka."

Se-terus-nya Pemangku Ketua Perpustakaan Universiti tersebut menulis bahawa "majallah tersebut di-dapati ada-lah berfaedah kepada para penuntut dan pensharah2 di-Universiti ini."

Juga sa-orang pensharah dari Jabatan Pengajian Melayu Universiti itu tidak ketinggalan mengucapkan "sa-tinggi2 tahniah kerana Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei berjaya menghasilkan sa-buah majallah yang tinggi mutu isi-nya."

JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

Pegawai Kaki Tangan Di-Jabatan Kerja Raya Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan kosong sebagai Pegawai Kaki Tangan di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2: Sijil Persekolahan (Senior Cambridge, GCE atau yang bersamaan dengan-nya). Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai Ijazah University dan tahu berbahasa Melayu.

Pengalaman: Berpengalaman dalam bidang perhubungan di-antara majikan dan pekerja2, kebajikan dan pentadbiran pekerja2.

Umor: Sekurang2-nya berumur 35 tahun.

Gaji: Dalam sukatan B.2 \$1020x40 - 1620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan: Chalón yang berjaya yang bukan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan

yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis: Bagi sa-orang chalón yang di-lantek sechara berkontrek, baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Ogos, 1966.

Permohonan2 dari pegawai2 yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 beserta dengan laporan2 sulit.

Penterjemah Inggeris/Melayu Dan Juru Trengkas Inggeris Dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei: —

1. PENTERJEMAH INGGERIS/MELAYU.

Kelayakan2:

Chalón mesti-lah dari bangsa Melayu, telah lulus Overseas School Certificate, dan lulus sekurang2-nya Darjah VI Sekolah Melayu. Chalón hendak-lah juga dapat membaca dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Gaji bagi jawatan ini ia-lah dalam tingkatan 380x20 - 480/EB/500x20 - 620 sa-bulan atau dalam tingkatan \$660x30 - 900 sa-bulan.

Tingkatan gaji yang di-pakai dan gaji permulaan akan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

JURUTRENGKAS INGGERIS.

Kelayakan2:

Pemohon2 hendak-lah lulus Form III Inggeris sekurang2-nya, serta mempunyai kebolehan menulis trengkas selaju 80 perkataan satu minit dan menaip selaju 30 perkataan dalam satu minit.

Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempuny-

nyai kebolehan menggunakan bahasa Melayu semasa bekerja.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$380x20 - 480/EB/500x20 - 620 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Perkhidmatan:

Chalón yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 22 Ogos, 1966.

DI-PEJABAT PELAJARAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari mereka yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Pelajaran, Brunei: —

(a) GURU

Ada banyak jawatan kosong, kebanyakan-nya ia-lah di-

(1) Darjah2 Rendah Atas di-Sekolah2 jenis Inggeris dan

(2) Darjah2 Menengah Bawah di-Sekolah2 jenis Melayu.

Sukatan2 Gaji:

Guru Terlatih Biasa ("Normal Trained") atau Guru Latihan Maktab — \$440x20 - 660/EB/690x30 - 840.

Berkelulusan degree dan berpengalaman mengajar \$620x20 - 660x30 - 840/EB/870x30 - 990.

Honours degree dan berpengalaman mengajar — \$750x30 - 990/EB/1020x30 - 1200.

(b) PEGAWAI DERMA SISWA DAN KESEJAHTERAAN (satu jawatan kosong).

Chalón mesti-lah berbangsa Melayu serta berpengalaman dalam bidang pentadbiran pelajaran termasuk-lah peratoran2 yang berkaitan dengan menempatkan penuntut2 di-yayasan pelajaran seberang laut.

Kelulusan Ijazah dari sebuah University yang di-akui ada-lah di-ingini.

Sukatan Gaji:

\$930x30-1050/1080x30-1200.

(c) PEGAWAI PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN (satu jawatan kosong).

Chalón mesti-lah mempunyai Diploma dari Maktab Teknik, Kuala Lumpur atau

kelulusan yang sa-banding dengan-nya serta mempunyai pengalaman dalam bidang pengawasan dan menjaga bangunan2 sekolah selama sekurang2-nya lima tahun.

Keutamaan akan di-beri kepada chalón2 yang berpengetahuan baik dalam bahasa Melayu.

Sukatan Gaji:

\$930x30-1050/1080x30-1200.

Sharat2 Lantekan:

Chalón2 yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama.

Mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak bagi di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalón yang di-lantek sechara berkontrek, baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 22 Ogos, 1966.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 10 Ogos hingga ka-hari Selasa 16 Ogos, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	10	12.30	3.51	6.41	7.52	4.39	4.54	6.12
	11	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13
	12	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13
	13	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13
	14	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13
	15	12.31	3.51	6.42	7.53	4.40	4.55	6.13
	16	12.31	3.51	6.42	7.53	4.41	4.56	6.14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

SOKAN DAN OLAH - RAGA

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Hoki antara Sekolah2 Rendah Melayu atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei yang telah di-jalankan pada minggu lalu ada-lah seperti berikut:—

- (a) Pada 1 Ogos, 1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir Kumpulan Perempuan bagi Peringkat Negeri, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong. Pasokan2 yang berlawan ia-lah Johan Tutong II, Pasokan Perempuan Sekolah Melayu Abd. Rashid Tanjong Maya berlawan dengan Johan Brunei I, Pasokan Perempuan Sekolah Melayu SMJA, keputusan-nya Johan Tutong II menang dengan 1 gol tidak berbalas.
- (b) Pada 4 Ogos, 1966: Perlawanan Akhir Kumpulan Perempuan bagi Peringkat Negeri bertempat di-Padang Sekolah Melayu SMJA, Bandar Brunei, Pasokan yang berlawan ia-lah Johan Brunei II, Pasokan Perempuan Sekolah Melayu Sengkuring berlawan dengan Johan Tutong II, Pasokan Perempuan Sekolah Melayu Abd. Rashid, Tanjong Maya, keputusan-nya Johan Brunei II menang dengan 2 gol tidak berbalas.

Maka dengan keputusan perlawanan itu, Pasokan Perempuan Sekolah Melayu Sengkuring Bahagian Brunei II telah menjadi Johan Perlawanan Hoki Perempuan antara Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei bagi tahun 1966 dan akan menjadi wakil Sekolah2 Rendah Melayu mema-

(oleh Awang Md. Husain Zainal) soki Perlawanan Hoki Perempuan antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei. Yang menjadi Naib Johan pula ia-lah Pasokan Perempuan Sekolah Melayu Abd. Rashid, Tanjong Maya, Bahagian Tutong II.

Hadiah rebutan dan hadiah2 persaoangan telah di-sampaikan oleh Datin Hajjah Salmah binte Md. Yusof, Isteri Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim kepada pasokan2 yang telah berjaya dalam perlawanan pada petang itu.

Hadiah yang menjadi rebutan pada tiap2 tahun ia-lah Perisai Datin Hajjah Salmah binte Md. Yusof. Pada tahun 1965, Perisai itu di-pegang oleh Johan Brunei I, Pasokan Sekolah Melayu SMJA. Pada tahun 1966 ini, Perisai itu di-pegang oleh Johan Brunei II, Pasokan Sekolah Melayu Sengkuring.

Perlawanan Hoki antara Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei yang di-jalankan pada minggu ini ia-lah:—

Pada 7 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Perempuan antara Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria dengan Pasokan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri bertempat di-padang Maktab Anthony Abell Seria. Keputusan-nya Pasokan STPRI, menang dengan 1 gol tidak berbalas.

Pada 8 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Perempuan antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu SMJA, dengan Wakil Sekolah2 Rendah Melayu, Pasokan Sekolah Melayu Sengkuring, bertempat di-padang Sekolah Melayu Sengkuring.

Pada 9 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Perempuan

puan antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama (SMMP) dengan Pasokan Menengah Melayu Muda Hashim, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Pada 10 Ogos, 1966 (Hari ini): Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama (SMMP) dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Brunei. Permainan di-mulakan jam 3-45 petang.

Pada 11 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Perempuan antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu, Brunei dengan Pasokan Maktab SOAS, bertempat di-Padang SMJA, Bandar Brunei. Permainan di-mulakan jam 4-20 petang.

Pada 12 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan Wakil Sekolah2 Rendah Melayu, Pasokan Sekolah Melayu Muhammad 'Alam, Seria, bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell, Seria. Permainan di-mulakan jam 3-45 petang.

Pada 13 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Laki2 antara Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasan Bangar berlawan dengan Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria, bertempat di-Padang SMJA, Bandar Brunei, permainan di-mulakan jam 4-00 petang.

Pada 14 Ogos, 1966: Perlawanan Suku Akhir Kumpulan Laki2 antara Pasokan Maktab SOAS dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Muda Hashim Tutong. Permainan di-mulakan jam 3-45 petang.

SEPAK RAGA JARING

Perlawanan Sepak Raga Jaring antara Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei Bahagian Pendidikan Jasmani, ada-lah sabahagian daripada Projek Tahunan Jabatan Pelajaran Brunei dan tahun ini ada-lah perlawanan tahun kelima.

Perlawanan ini di-jalankan kerana merebut hadiah rebutan:—

(i) Piala Penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei tahun 1962, untuk rebutan pasokan kumpulan "A". Tingkatan umur yang di-lahirkan tahun 1951 ka-bawah.

(ii) Perisai Jabatan Pelajaran Brunei, untuk rebutan pasokan kumpulan "B" tingkatan umur yang di-lahirkan tahun 1952 ka-atas.

Perlawanan2 pemilihan bagi peringkat Daerah akan mula di-jalankan pada minggu ini ia-itu untuk2 memilih perwakilan dari tiap2 Daerah — satu Pasokan Kumpulan "A" dan satu Pasokan Kumpulan "B" untuk memasuki ka-perlawanan Peringkat Negeri yang akan diadakan pada awal minggu bulan Ogos, 1966.

Perlumbaan Memandu Kereta Mulai Tengah Malam Hingga Fajar Menyinsing

SERIA. — Satu perlumbaan memandu kereta mulai tengah malam hingga fajar menyinsing dari Seria ka-Pekan Muara dan balek ka-Seria telah diadakan baru2 ini di-bawah anjoran Klab Motor Negeri Brunei.

Awang Marcel Godel telah menjadi Johan dalam perlumbaan memandu kereta itu dan Naib Johan-nya ia-lah Kapitan Webb. Pemenang Ketiga dalam perlumbaan itu ia-lah Awang Robert Wong dan dituruti oleh Kapitan MacIndoe.

Peraduan Main Gasing Anjoran Persatuan Belia Sengkuring

SENGKURONG — Persatuan Belia Sengkuring, Brunei, akan menjalankan satu Projek Belia Tahun 1966 bagi mengadakan Peraduan Permainan Gasing yang terbuka kepada orang2 kampung dan Persatuan2 di-seluruh Negeri Brunei.

Berita lanjut mengenai peraduan tersebut akan di-siarkan dalam akhbar ini pada hari Rabu hadapan.

Harga Barang2 Dagangan

BAGI menjalankan kuasa2 yang di-beri ka-atas Pegawai Kastam oleh bab 9 dari Undang2 Kastam, 1954, beliau dengan ini menetapkan, bagi tujuan mengenakan cukai2 harga barang yang di-sebutkan di-bawah ini mulai dari dan termasuk 8 Ogos, 1966.

Lada Putih sa-pikul \$169.40 sen.

Lada Hitam sa-pikul \$127.60 sen.



Sekolah Melayu Sengkuring yang telah menjadi Johan Hoki Murid2 Perempuan Sekolah2 Rendah Melayu Bahagian Brunei II (kelihatan dalam gambar ini) telah berjaya menjadi Johan Perlawanan Hoki Murid2 Perempuan, Sekolah Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei sa-telah pasukan itu mengalahkan Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya, Johan Bahagian Tutong II di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. Bandar Brunei pada petang hari Khamis 4 Ogos, 1966.

Dalam perlawanan tersebut, Sekolah Melayu Sengkuring telah mengalahkan Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya dengan dua gol tidak berbalas.

PERTANDINGAN BOLA SEPAK "BORNEO CUP":

Brunei Akan Mengambil Bahagian Tahun Ini

BANDAR BRUNEI:— Brunei akan mengambil bahagian dalam Pertandingan Bola Sepak bagi merebutkan "Borneo Cup" pada tahun ini.

Pertandingan itu akan di-adakan di-Kuching, Sarawak pada 9, 10 dan 11 September hadapan.

Demikian antara-nya telah di-persetujui dalam Mashuarat Agong Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei ("Brunei State Amateur Football Association") yang telah di-langsungkan di-Brunei Sports Club pada pagi hari Ahad 7 Ogos, 1966.

Mashuarat tersebut telah juga meluluskan chadangan untuk mengumpulkan wang bagi menghantarkan Pasokan Bola Sepak Negeri Brunei, seramai 18 orang, ka-pertandingan bola sepak tersebut.

Sementara itu Brunei Sports Club telah menderma wang sebanyak \$200,00 kepada tabong derma tersebut.

Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei akan mengadakan temasha2 tari menari di-Bangunan Guru2 Melayu Brunei di-Bandar Brunei dan juga di-Daerah Belait untuk mengumpulkan wang bagi menghantarkan rombongan tersebut ka-Kuching.

Sa-lain dari itu, sa-kira-nya di-benarkan oleh Kerajaan, Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei akan mengadakan perlawanan2 bola sepak sa-chara jualan tiket di-antara Pasokan Pilehan Negeri Brunei dengan Miri atau Labuan di-Gelanggang Sokan, Seria.

Ahli2 Jawatan Kuasa Persatuan Bola Sepak Amateur Negeri Brunei bagi tahun 1966/1967 yang telah



Y.B. Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Md. Limbang

di-lantek dalam mashuarat tersebut ada-lah seperti berikut:

Yang Di-pertua — Yang Berhormat Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Md. Limbang. Naib Yang Dipertua — Awang Abdullah Ja'afar.

Setia Usaha Kehormat — Pengiran Idriss P.K.I. Penyimpan Wang — Awang Husain bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Awang Haji Md. Yusof. — *Laporan Awang Kamaluddin P. H. A. Bakar.*

SOKAN MAKTAB S.O.A.S.:

Johan - Rumah Bendahara

Naib Johan - Rumah Pemancha

BANDAR BRUNEI. — Rumah Bendahara, dengan memperolehi sa-jumlah 1326½ mata, telah menjadi Johan di-temasha Sokan Tahunan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Kali Yang Ka-11 bertempat di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam pada petang hari Sabtu 6 Ogos, 1966.

Rumah Pemancha yang telah mendapati sa-jumlah 1171 mata, telah memperolehi gelaran Naib Johan di-temasha sokan tersebut.

Gelaran yang ketiga telah disandang oleh Rumah Maharaja Lela yang telah mendapati sa-jumlah 1165 mata dan di-ikuti oleh Rumah Kerma Indra yang telah mendapat sa-jumlah 1088 mata.

Semua-nya 25 jenis perlumbaan dan pertandingan telah di-adakan di-temasha sokan tersebut. Di-antara-nya ia-lah Perlumbaan terbuka kepada Pegawai2 Temasha Sokan itu, Perlumbaan antara Tukang2 Masak di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin; Perlumbaan antara penuntut2 tua Maktab S.O.A.S.; Perlumbaan terbuka kepada Pengakap2 dan Ahli2 Palang Merah; Perlumbaan antara Sekolah2 Lelaki dan Perempuan; Perlumbaan Cham-pon Penuntut2 Lelaki dan Perempuan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan lain2-nya.

Rumah Bendahara juga telah berjaya mendapat hadiah yang pertama sa-bagai bentuk Rumah yang chantek sekali yang di-bena di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam bagi menyambut temasha Sokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada tahun ini. Rumah itu berdinding daun telah di-bena berbentuk sa-bagai Mahkota.

Pemenang yang kedua dalam peraduan kechantean Rumah2 ia-lah Rumah Maharaja Lela. Bentuk Rumah itu ia-lah sa-bagai Helikopter.

Rumah Pemancha, berben-tok sa-bagai sa-buah bangunan mengawal lalu lintas udara telah mendapat hadiah yang ketiga.

Rumah yang berbentuk sa-bagai sa-buah Kereta Kebal, yang di-bena oleh Rumah Kerma Indra, telah mendapat hadiah yang keempat dalam peraduan kechantean rumah2 di-temasha sokan Maktab SOAS pada petang hari Sabtu yang lalu.

Di-antara ramai para hadirin di-temasha sokan tersebut ia-lah Setia Usaha Kerajaan merangkap Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Moha-

med Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking; Pegawai Pelajaran Negara, Aw. Malcolm MacInnes; Pegawai2 Kanan dari Jabatan Pelajaran; para ibu-bapa murid2 dan lain2-nya.

Hadiah2 Kejohanan antara Rumah2; Hadiah2 Perisai dan Piala2 Perak Pusingan dan lain2-nya telah di-sampaikan oleh Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking.

Sa-lepas itu, beliau telah menerima sa-kalangan bunga orkid dari sa-orang pelajar Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Pancharagam Pulis Di-Raja Brunei, di-bawah pimpinan Pengarah Musik-nya Awang George Crawhurst telah bermain di-temasha sokan tersebut.

MENGHADHIRI PERSIDANGAN BELIA DI-TOKYO

BERAKAS. — Yang Dipertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Yang Berhormat Aw. Abdul Aziz Umar telah berlepas dari Brunei ka-Tokyo dengan kapal terbang melalui Jesselton pada tengah hari Ahad 7 Ogos untuk menghadiri Persidangan Belia Seluruh Dunia.

Persidangan Belia itu akan di-adakan di-Tokyo mulai pada 10 Ogos hingga ka-21 Ogos.

Dua orang lagi wakil2 dari Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei ka-persidangan tersebut, Awang Ahmad bin Kadi dan Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar akan berangkat ka-Tokyo pada hari ini.

Sa-belum berangkat ka-Tokyo, Yang Berhormat Aw. Abdul Aziz Umar berkata bahawa beliau bersama2 dengan Awang Ahmad bin Kadi dan Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar telah menziarahi Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana pada hari Juma'at yang lalu.



Datin Hajjah Salmah binte Md. Yusof, isteri Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof, Setia Usaha Kerajaan Brunei kelihatan dalam gambar ini menyampaikan hadiah kepada Wakil Sekolah Melayu Sengkurong yang telah menjadi Johan dalam Perlawanan Hoki Murid2 Perempuan Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei pada tahun ini. Perlawanan hoki itu telah di-adakan di-Padang Sekolah Melayu S.M. J.A., Bandar Brunei pada petang hari Khamis yang lalu.